



**PEKELILING
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 15/1980**

*Memindahkan Rekod Pejabat Pendaftar Dan
Pejabat Tanah Ke Arkib Negara*

Pekeling ini dikeluarkan untuk menasihatkan Pendaftar-pendaftar Hakmilik dan Pemungut-pernugut Hasil Tanah berkenaan pemindahan rekod-rekod Pejabat Pendaftar dan Pejabat Tanah ke Arkib Negara mengikut kehendak-kehendak Akta Arkib Negara No. 44/1966.

2. Dalam menjalankan kehendak-kehendak Akta Arkib Negara, Ketua Setiausaha Negara telah mengeluarkan Surat Pekeling Am Bil. 20/1972 bertajuk "Pemindahan Rekod-rekod Kerajaan ke Arkib Negara" yang menarik perhatian pegawai-pegawai tentang perlunya memindahkan rekod-rekod tertentu ke Arkib Negara. Kanun Tanah Negara pula memperuntukkan di seksyen 375 seperti berikut:

- "375. (1) The Registrar shall be responsible for the safe keeping of—
- (a) every register of title maintained under this Act or any previous land law by him or any predecessor in office;
 - (b) all instruments registered under the Act or any previous land law and filed in the Registry or Land Office in question; and
 - (c) all other instruments, and all books and other records, required by or under this Act or any previous land law to be filed or kept in that Registry or Land Office.
- (2) No register, instrument, book or other record for the safe keeping of which the Registrar is responsible as aforesaid shall be removed from the Registry or Land Office except pursuant to an order of the Court or a Judge, or under the direction in writing of the State Authority or State Commissioner."

3. Memandangkan kepada peruntukan Kanun Tanah Negara seperti di atas, dokumen-dokumen yang diliputi oleh seksyen tersebut tidak boleh dipindahkan ke Arkib Negara.

4. Di samping itu rekod-rekod yang tersebut di bawah ini (yang tidak termasuk dalam jenis-jenis dokumen yang dimaksudkan oleh seksyen 375 Kanun Tanah Negara) patut dikecualikan daripada kehendak-kehendak seksyen 8(1) Akta Arkib Negara dan tindakan bolehlah diambil di bawah seksyen 8(2) Akta yang sama untuk menangguhkan pemindahannya ke suatu masa yang tidak ditetapkan:

- 4.1. Dokumen, suratcara, daftar dan lain-lain rekod di Pejabat Pendaftar atau di Pejabat Tanah;
- 4.2. Di Negeri-negeri Pulau Pinang dan Melaka, suratcara-suratcara, dokumen-dokumen dan rekod-rekod yang telah disimpan di Pejabat Pendaftaran di bawah 'Registration of Deeds Ordinance' yang telah dimansuhkan dan yang sekarang ini disimpan oleh Pesuruhjaya Hakmilik Tanah Pulau Pinang atau Melaka;

- 4.3. Fail-fail Pejabat Tanah dan lain-lain rekod berhubung dengan pemberimilikan, pecah sempadan, pecah bahagian atau penyatuan tanah di mana dokumen hakmilik tetap belum didaftarkan;
 - 4.4. Syit-syit litho Pejabat Tanah dan rekod-rekod yang berkaitan dengannya.
5. Pendaftar-pendaftar Hakmilik dan Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah dinasihatkan supaya mengambil ingatan bahawa Surat Pekeliling Am Bil. 20/1972 hendaklah dibaca dengan pengubahsuaian seperti yang tersebut di perenggan 2 di atas.
 6. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Bil. 7/1974 adalah dengan ini dibatalkan.

NASRUDDIN BIN BAHARI,
*Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan*

P.T.TM 57/52 Bab 1

Kuala Lumpur
23hb. Januari, 1980